

BN diminta pertimbang saksama calon Pemuda

13 NOV 1999

KUALA LUMPUR 12 Nov. — Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia tidak akan mendesak pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) supaya menerima nama ahli-ahlinya yang dicadangkan untuk dipilih bertanding dalam pilihan raya umum kali ini.

Pemangku Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, terserah kepada pucuk pimpinan bagi menimbangkan senarai yang diajukan itu untuk diterima sebagai calon BN ataupun sebaliknya.

Beliau bagaimanapun merahsiakan jumlah nama calon yang disenaraikan itu tetapi menegaskan, mereka adalah terdiri daripada tokoh-tokoh muda yang berwibawa.

“Kita mengemukakan senarai nama Pemuda

yang dicadangkan untuk bertanding itu mengikut saluran dan terserah kepada pucuk pimpinan,” jelasnya.

Hishammuddin memberitahu demikian pada sidang akhbar selepas memengerusikan mesyuarat Exco Pemuda dan mesyuarat Pemuda BN bagi persiapan pilihan raya umum di Menara Datuk Onn, di sini hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Pemuda BN memberitahu, mesyuarat itu juga sebulat suara bersetuju untuk menggerakkan secara bersepadu jentera gerak-gempur menentang parti lawan sebaik sahaja bermula kempen pilihan raya umum ke-10.

Jelasnya, seluruh jentera gerak-gempur itu akan memberi bantuan kepada pelbagai sudut untuk memastikan kemenangan se-

mua calon BN terutama menangkis tohmahan dan fitnah jahat pembangkang.

“Bagaimanapun saya harap semua jentera gerak-gempur itu dapat menjalankan peranan secara beretika agar dapat mengelakkan kejadian yang tidak diingini,” katanya.

Hishammuddin berharap agar Pemuda UMNO dan BN tidak terpengaruh dengan tindakan liar pembangkang.

Beliau seterusnya memberitahu, Pemuda dan Wanita BN akan mengadakan satu majlis penyampaian ikrar jentera gerak-gempur pilihan raya umum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merangkap Pengerusi BN di ibu negara pada 14 November ini.